

Kurang plastik, jimat minyak

Sinar 7/1/13 MS 23

MEMETIK artikel bertajuk 'Hari tanpa beg plastik' daripada laman sesawang pmr.penerangan.gov.my, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik yang dijalankan Kerajaan Selangor, bertujuan menyemai semangat sayangkan bumi ini mampu dijadikan tabiat harian yang tidak hanya berlaku pada setiap Sabtu bagi penduduk di Selangor.

Kempen ini memberi impak kepada alam sekitar bukan sahaja untuk masa sekarang, malah untuk masa depan buat generasi akan datang. Hari Tanpa Beg Plastik setakat ini hanya disertai dan disokong organisasi dan pasar raya besar seperti Giant, Tesco, SpeedMart, dan 7-Eleven.

Lebih kurang 500 bilion ke 1 trilion beg plastik digunakan serata dunia. Ini bermaksud lebih sejuta beg plastik dalam seminit. Dan berbilion-bilion beg ini akan menjadi sampah.

Apa yang membimbangkan tentang plastik? Plastik diperbuat daripada sumber bahan yang amat berharga iaitu minyak. Lebih banyak plastik digunakan hari ini, berkuranglah bekalan minyak pada masa hadapan.

Ketika beg plastik dihasilkan, satu bahan karsinogen, benzen, dihasilkan. Beg plastik tidak dapat lupus daripada muka bumi. Jika berlaku pengurangan beg plastik hari ini, masih terdapat banyak lagi beg plastik yang sudah sedia terkumpul.

Beg plastik sukar dihapuskan. Sekiranya

dibakar, ia membebaskan karsinogen, satu bahan penyebab kanser. Sekiranya ditanam, bahan toksin di dalamnya boleh memasuki sumber air minum kita. Binatang yang menyangka beg plastik makanan boleh mati apabila termakan beg plastik tersebut. Selain itu beg plastik juga menyebabkan, berlaku peresapan air yang menyebabkan banjir, dan merosakkan kesuburan tanah.

Beg plastik tergolong 'barang sekali pakai' sehingga memperbanyak sampah. Kalau berbelanja bulanan di pusat membeli-belah, sekali belanja kebiasaannya akan memakai paling tidak empat beg plastik dalam berbagai ukuran.

Jakarta menghasilkan sekitar 6,000 tan sampah setiap hari, yang lebih dari setengahnya adalah sampah non-organik terutama plastik dan kertas.

Untuk menghasilkan beg plastik, setiap tahun diperlukan 12 juta tong minyak. Jika menggunakan beg yang boleh digunakan semula, sebanyak enam beg plastik dapat diijimatkan. Jika seorang daripada lima orang di Malaysia mengamalkan tabiat ini, dapat mengurangkan sebanyak 110,822,400,000 beg sepanjang umur.

Beberapa buah negara telah mengharamkan penggunaan beg plastik. Contohnya negara China telah mengharamkan pemberian beg plastik percuma. Ekoran daripada itu, China akan menjimatkan 37 juta tong minyak.

Apa kata pengguna

Guna beg plastik tidak elok untuk alam sekitar, tetapi melihat kepada corak pengguna Malaysia kini masih ramai yang guna beg plastik ketika membeli belah. Malah, ada menganggap tidak mengapa bayar 20 sen untuk sekeping beg plastik. Ada yang kata tidak kisah, ada yang kata bagus sebab mendidik cinta alam sekitar, ada pula yang tidak berapa berkenan. Melihatkan hal ini, adakah kempen Hari Tanpa Plastik menyusahkan atau sebaliknya? Apa kata pengguna...



"Saya rasa kempen sebegini amat tepat untuk mengurangkan pencemaran. Setiap Sabtu memang saya bawa beg kitar semula, kerana pasar raya akan mengenakan caj untuk beg plastik. Kebiasaannya saya mengingatkan ahli keluarga agar membawa beg kanvas, jika mahu membeli belah barangan keperluan harian." - Nur Nazirah Khairudin, 19, pelajar.



"Saya sering membeli barang basah untuk berniaga, kadang kala ia menyukarkan kerana barang seperti ikan, udang, ayam dan kerang berbau. Terpaksa saya membayar caj plastik jika membeli pada Sabtu. Tetapi mengenai kempen ini saya berpendapat ia dapat mengurangkan penggunaan plastik." - Zalina Hashim, 40, peniaga.



"Kita kena fikir generasi akan datang supaya bumi tidak dipenuhi sampah sarap. Penggunaan plastik di negara kita sangat membimbangkan kerana di setiap kawasan dipenuhi bahan buangan ini. Bagi menyokong kempen hijau, saya akan memastikan beg hijau sentiasa dibawa jika ke pasar raya." - Mohd Khairi Othman, 30, pekerja swasta.

"Bila membeli-belah tanpa beg plastik tidak susah jika telah jadi amalan. Saya selalu membawa beg kitar semula sendiri apabila membeli belah. Tidak kira pada Sabtu atau tidak, saya memang siap sedia membawanya. Lagipun ia untuk menjaga alam sekitar juga." - Lim Sok Ha, 62, suri rumah.




JENIS BAHAN BUANGAN DAN TEMPOH DIPERLUKAN UNTUK LUPUS

Jenis bahan buangan	Tempoh diperlukan (tahun)
BOTOL KACA	1,000,000
BOTOL MINUMAN PLASTIK	450
LAMPIN PAKAI BUANG	450
TIN ALUMINIUM	80-200
KULIT	50
FABRIK NILON	30-40
BEG PLASTIK	10-20
PUNTUNG ROKOK	1-5
SURAT KHABAR	6 minggu
KULIT PISANG & OREN	2-5 minggu
TUALA KERTAS	2-4 minggu

Sumber: Persatuan Pencinta Alam Malaysia

Bancian atas talian


Semarakkan kempen kitar semula, bukan hari tanpa beg plastik:



Setuju
Amat setuju
Tidak setuju
Amat tak setuju

Jumlah Undian: 2,265

Caj 20 sen yang dikenakan sebenarnya merugikan pengguna:



Ya
Tidak

Jumlah Undian: 2,431

Tarikh undian adalah pada 11 DISEMBER 2012 hingga 17 DISEMBER 2012



"Agak menyusahkan pengguna, kerana bukan semua pengguna ingat yang setiap Sabtu adalah Hari Tanpa Plastik. Seperti saya, saya ada beg kitar semula tetapi tertinggal di dalam kereta kerana tidak ingat. Nak tak nak, saya bayar 20 sen untuk beg plastik. Saya rasa caj tu agak patut, walaupun nilainya kecil. Beg plastik tidak cemar alam sekitar jika buang di tempat betul." - **K Saras, 40, pekerja swasta.**

"Caj 20 sen bagi saya tiada masalah. Apa yang penting usaha ini dapat bantu menjaga alam sekitar. Mula-mula memanglah sukar, tapi bila dah jadi amalan tidak jadi masalah. bawalah beg sendiri bila membeli belah setiap Sabtu." - **Ruyani Bidon, 55, peniaga.**



"Ramai pengguna lupa bawa beg sendiri bila membeli-belah setiap Sabtu. Agaknya kerana kempen ini hanya sekali dalam seminggu. Saya berpendapat jika dijadikan amalan seharian pengguna Malaysia ia bukan lagi pelik. Jika pakai beg kertas pun apa salahnya, dahulu sebelum ada beg plastik, membeli barang pun bungkus dalam kertas sahaja." - **Faridah Salleh, 56, suri rumah.**

"Jangan fikirkan tentang caj yang dikenakan, tetapi skop lebih besar adalah mendidik pengguna supaya kurangkan penggunaan beg plastik. Bagi saya kempen Hari Tanpa Plastik adalah permulaan yang baik untuk mendidik warga Malaysia cintai alam sekitar." - **Adlin Samsudin, 33, kakitangan semi-kerajaan.**



"Agak menyusahkan pengguna, kerana jika membeli barang banyak nak tak nak, nak pakai beg plastik dan caj yang dikenakan bayar sahajalah. Memanglah tiada beban caj 20 sen tetapi menyusahkan jugalah." - **Mohd Fayyaz Farouk, 40, kakitangan kerajaan.**